



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 8 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PEKEBUN HARAP KERAJAAN BERI SUBSIDI PENGELUARAN, NASIONAL, SH -9	LAIN-LAIN
2.	PENGUSAHA KELULUT SERIK BERNIAGA LEPAS RUGI RM200,000, NEGARA, KOSMO -2	
3.	85 PESERTA RIMBUNAN KASEH TERIMA HAK MILIK KEKAL RUMAH, TERENGGANU KINI, HAKAKAH -H23	
4.	300 HEKTAR TANAH TERBIAR BERJAYA DIBANGUNKAN, TERENGGANU KINI, HAKAKAH -H23	
5.	PROJEK BERI IMPAK SOSIAL DAN EKONOMI JADI KEUTAMAAN PAS TERENGGANU, DARUL IMAN, HAKAKAH -H20	
6.	TADC LAHIRKAN USAHAWAN MUDA DALAM BIDANG TERNAKAN KAMBING, DARUL IMAN, HAKAKAH -H20	
7.	PENIAGA TAK BERANI BELI BORONG BIMBANG JUALAN TIDAK LAKU, NASIONAL, BH -18	
8.	BEKALAN SAYUR HANYA SUSUT 10 PERATUS, NASIONAL, BH -18	
9.	EGGING ON SEA TURTLES, MUKA DEPAN, THE STAR -1	
10.	'NEED TO HATCH PLAN FOR RETURN OF SEA TURTLES', NEWS, THE STAR -3	
11.	RM100,000 SET ASIDE TO BUY 40,000 SEA TURTLE EGGS, NEWS, THE STAR -3	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pekebun harap kerajaan beri subsidi pengeluaran

SHAH ALAM - Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands memohon kerajaan untuk mengembalikan semula pemberian subsidi pengeluaran kepada golongan pekebun kecil seperti yang pernah diberi pada tahun 2010.

Pengerusinya, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid berkata, pemberian subsidi bagi setiap tan pengeluaran an sayur-sayuran mampu membantu golongan berkenaan menampung kos pengeluaran hasil tani pada ketika ini.

"Kami harapkan Bajet 2023 nanti ada berita baik kepada golongan pekebun kecil di Cameron Highlands dari segi pengeluaran, eksport dan import produk-produk pertanian. Bantuan kami dapat pada tahun 2010 bagi setiap tan sayur-sayuran atau bahan makanan yang keluar dari Cameron Highlands, dapat subsidi sebanyak RM80 per tan.

"Contohnya, hantar 300 tan kubis ke Selayang dalam sebulan, eksport mungkin 200 tan, jadi keseluruhan 500 tan,

akan dapat hampir RM40,000," ujarnya.

Selain pemberian subsidi, beliau berkata, golongan pekebun sayur turut berharap kerajaan dapat menangani isu kekurangan tenaga kerja dengan mempercepatkan kelulusan pengambilan pekerja warga asing dalam Bajet 2023.

Menurutnya, pengeluaran sayur-sayuran kebanyakan pekebun dan petani terjejas sehingga 40 peratus disebabkan kekurangan tenaga kerja sejak Covid-19 melanda dunia.

"Kalau boleh dalam Bajet 2023 nanti, petani yang menggunakan teknologi sistem pertanian berkomputer juga diberi pengecualian cukai sehingga 30 peratus atas perkakasan dan perisian agar operasi ladang lebih lestari dan mampan.

"Kami juga harap pengusaha ladang organik atau yang guna MyGlobalGap iaitu program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga diberi pengecualian cukai tambahan sebanyak 10 peratus," katanya.

Pengusaha kelulut serik berniaga lepas rugi RM200,000

BALING - Pengusaha kelulut di Kampung Iboi di sini sudah serik untuk memulakan semula perniagaan itu apabila terpaksa menanggung kerugian lebih RM200,000 akibat bencana kepala air dan banjir lumpur sejak 4 Julai lalu.

Menurut Mashitah Ahmad, 48, sebanyak 191 bongkah kelulut dihanyutkan air dengan kerugian hampir RM200,000 dalam tragedi banjir lumpur.

"Kejadian banjir kedua tidak terlalu teruk tetapi kali ini, separuh daripada 80 bongkah dan sarang kelulut lesap hingga saya rugi RM15,000," katanya ketika

diremui di pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Terbuka Kampung Padang Empang di Kampung di sini semalam.

Memurut Mashitah, dia membekal dan memasarkan madu kelulut sejak 10 tahun lalu ke seluruh Kedah.

"Hasil jualan yang diperolehi antara RM3,000 hingga RM10,000 sebulan," ujarnya.

Tambahnya, dia berharap kerajaan dapat mengenal pasti dan mendedahkan punca sebenar kejadian itu seterusnya melaksanakan tindakan bagi mengurangkan risiko bencana dengan segera.

"Rasa trauma kami semakin teruk. Bila tengok cuaca mendung, penduduk jadi takut kerana sebilangan daripada kami nyaris maut dalam kejadian 4 Julai lalu," katanya.

Penduduk Kampung Iboi, Idris Abdul Rahman, 63, berkata, benteng pasir pecah lalu menghempah ke rumah penduduk apabila paras sungai semakin naik dan deras.

"Kejadian turut membentuk satu lagi anak sungai di belakang rumah penduduk kampung," katanya yang turut berharap agar pihak berkuasa dapat menangani masalah itu secepat mungkin.



SEBAHAGIAN penduduk Kampung Iboi yang ditempatkan di PPS Kampung Padang Empang ekoran runtuhan mereta dirisaki banjir lumpur buat kali ketiga sejak Julai lalu.

DUNGUN - Kerajaan Terengganu menamatkan teka-teki status kediaman bagi 85 peserta projek Rimbunan Kaseh, apabila menyerahkan hak milik kekal kediaman mereka melalui kaedah sewa beli pada kadar RM68,000 kepada peserta terlibat.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Azman Ibrahim mewakili kerajaan negeri menzahirkan kelegaan dalam kejayaan kerajaan negeri menyelesaikan isu yang belanjutan sejak tahun 2017 itu.

Katanya, projek berkenaan bermula sejak 2015 melalui dua komponen iaitu kawasan perumahan terdiri 100 buah rumah serta infrastruktur, dan komponen kedua ialah 26 rumah hijau.

"Pada 2017 projek ini terbengkalai, kemudian IRIS, iaitu pihak yang diberi tanggungjawab meninggalkan projek ini dan Jabatan Pembangunan Persekutuan menyerahkan kepada kerajaan negeri untuk menyelesaikan projek ini.

"Pada awalnya, kita selesaikan penstrukturan ladang dan pada tahun 2020 ia telah dimajukan Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC) dengan



Peserta Rimbunan Kaseh bergambar di depan perumahan mereka yang berjaya diselesaikan oleh kerajaan negeri.



Peserta Rimbunan Kaseh bergambar selepas menerima kunci rumah masing-masing.

85 peserta Rimbunan Kaseh terima hak milik kekal rumah



Dr Azman Ibrahim

tanaman Melon Manis Terengganu dan telah beroperasi semula.

"Bagi komponen perumahan, kita telah berjanji dengan pemilik bahawa tidak semua daripada mereka akan diambil bekerja di ladang, tetapi rumah ini akan diselesaikan dalam bentuk pemberian hak milik

kekal dan ini yang kita laksanakan petang ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyerahan Kunci dan Surat Tawaran RMM Rimbunan Kaseh kepada semua peserta, pada Mac lalu.

Jelas Dr Azman, walaupun rumah berkenaan bernilai RM140,000, ia cuma diberikan kepada peserta dengan kaedah sewa beli selama 25 tahun pada kadar RM68,000 sahaja.

"Kelebihan ini menyaksikan pemilik perlu membayar hanya kira-kira RM180 sebulan yang dikira tidak membebankan kepada 85 peserta asal dan 10 peserta tambahan yang kita berikan surat ta-

waran pada hari ini.

"Melalui perbincangan, penghuni Rim-

bunan Kaseh bersetuju dengan keputusan ini asalkan mereka dapat

tinggal di sini kerana ini telah menjadi tanah air mereka," katanya.

300 hektar tanah terbiar berjaya dibangunkan

KUALA TERENGGANU- Sebanyak 300 daripada 8,000 hektar projek pemuliharaan tanah terbiar berjaya dibangunkan dibawah Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu 2019-2023.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim, berkata ia membabitkan tiga projek utama pertanian dan beberapa projek berskala kecil.

"Tiga projek utama itu melibatkan penanaman nanas MD2 di Kampung Pak Kancil, Setiu sebanyak 140 hektar, Rancangan Tanah Berkelompok (RTB) Pengkalan Aman, Setiu (mangga harum manis seluas 40 hektar) dan penanaman durian jenis Musang King di RTB Kam-



Beberapa pengusaha di Kampung Tok Lawit yang dibantu memajukan tanah terbiar.

pung Rahmat seluas 60 hektar.

"Selebihnya berbentuk projek berskala kecil melibatkan tanaman kontan seperti tembikai, labu dan jagung yang diusahakan secara individu," katanya kepada pemberita.

Beliau yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat itu juga menasaskan 10 hingga 20 peratus daripada keseluruhan 8,000 hektar tanah terbiar dapat dipulihkan seperti yang dirancang dalam penggal ini.

Tambahnya, Terengganu kini berada pada

kedudukan kedua selepas Pahang apabila berjaya memajukan lebih 1,000 daripada 8,000 hektar tanah terbiar di negeri ini dengan pelbagai projek pertanian sejak 2008 secara keseluruhannya pada masa ini.

"Paling istimewa Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai peruntukkan sendiri dalam program memajukan tanah terbiar sebanyak RM1 juta setiap tahun.

"Sebanyak RM1 juta diperuntukkan pada tahun lepas dan untuk tahun ini, jumlah sama diberikan. Dengan peruntukkan ini, kita beri geran sebanyak RM20,000 bagi setiap hektar tanah terbiar yang akan dipulihkan.

"Geran ini untuk pembinaan infrastruktur seperti pagar, sistem perparitan dan proses bersih tanah supaya ia boleh dibangunkan semula," katanya.



Tanah terbiar di Kijal seluas 2.5 hektar antara yang dibangunkan.

Dari muka 22

tujuan pemantauan secara berterusan.

"Kalau ia berjalan lancar mungkin kita akan bincang dana-dana lain yang menjurus ke arah projek tersebut dan mampu menjadi satu pemangkin kepada anak-anak muda di luar sana untuk menceburi dalam bidang ternakan kambing tenusu ini," ujarnya lagi.

Beliau juga berkata selepas dua tahun, pihaknya merancang untuk pengambilan baru bagi peserta projek seramai lima orang setiap tahun bermula tahun ketiga.

Menurut beliau, projek penternakan ini

turut menerima peruntukan sebanyak RM1.8 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Katanya, sehingga kini terdapat 185 ekor

kambing Saanen betina dan 15 ekor jantan yang diimport daripada Australia yang dijanjikan membiakkan lebih kurang 240 ekor untuk setahun.



Dua peserta projek sedang menguruskan ternakan di kandang.

Projek beri impak sosial dan ekonomi jadi keutamaan PAS Terengganu



MB Terengganu ketika melawat penghasilan nanas di tanah terbiar yang dibangunkan di Pak Kancil.

SETELAH mengambil alih pentadbiran negeri pada 2018, Kerajaan PAS Terengganu menzahirkan komitmen untuk menumpukan pembangunan yang memberi manfaat kepada masyarakat secara langsung.

Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar baru-baru ini sekali lagi menegaskan untuk menumpukan pelaksanaan projek yang mampu memberi impak sosial dan ekonomi kepada rakyat menjadi keutamaan kerajaan negeri ketika ini.

Jelasnya, keputusan tersebut bertepatan dengan langkah penjaminan seperti saranan kerajaan pusat.

"Kita tidak ingin menggunakan istilah projek ditangguh atau dibatalkan, sebaliknya kerajaan memutuskan memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek yang mampu memberi impak sosial dan ekonomi.

"Senarai projek yang dirancang untuk dilaksanakan banyak, tetapi kita utamakan yang penting dahulu, manakala yang kurang penting kita kemudikan," katanya.

Tambahnya, semua projek yang dirancang akan dilaksanakan, tetapi keutamaan hanya memihak projek yang mampu memberi impak kepada sosial dan ekonomi.



MB Terengganu melawat tanaman nanas MD2 yang dibangunkan di Kampung Pak Kancil.

TADC lahirkan usahawan muda dalam bidang ternakan kambing

SETIU-Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC), syarikat yang berjaya diselamatkan oleh kerajaan PAS Terengganu, kini memberi peluang kepada golongan muda yang berminat dalam penternakan kambing tenusu bagi tujuan penghasilan susu, baka dan daging.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Memajukan Iktisad negeri (PMINT), Wan Adnan

Wan Derahman mewakili pihak yang diberi tanggungjawab oleh kerajaan negeri berkata, sebagai perintis projek seramai enam anak muda yang berpotensi untuk menjadi penternak kini sedang dilatih sejak empat bulan lepas.

"Mereka akan berada di sini selama 24 bulan dan akan menerima elaun sebanyak RM1,200 seorang setiap bulan. Dalam masa yang sama, riereka akan memproses

Kerajaan PAS Terengganu pulihkan syarikat hampir 'gulung tikar'

KUALA TERENGGANU - Kerajaan Terengganu berjaya memulihkan semula syarikat Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC) yang hampir 'gulung tikar' ketika era pentadbiran terdahulu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sewaktu PAS mengambil alih pengurusan anak syarikat kerajaan negeri (GLC) itu pada Oktober 2018, TADC dalam keadaan 'tenat'.

"Waktu itu syarikat ini diletakkan pada kod biru, lebih bawah daripada kod merah dan ia bererti TADC bersedia untuk ditutup.

"Namun, alhamdulillah kerajaan baru berjaya pulihkan semula, sehingga kini ia berada pada kod warna kuning, insya-Allah akan bertu-



TADC bantu memasarkan spesies ikan bernilai tinggi.



TADC berjaya berperanan setelah diselamatkan.

kar hijau," katanya.

Mengulas lanjut, Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat itu berkata, antara peranan besar yang di-

jayakan TADC sejak 2018 ialah menyelesaikan isu hasil pertanian semasa Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 pada Mac 2020.

Bersambung ke muka 23

Tambah Wan Adnan, kesemua mereka juga akan diserahkan untuk bimbingan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah bagi



Wan Adnan meneliti kualiti penjagaan ternakan ketika meninjau projek yang dibangunkan.

Peniaga tak berani beli borong bimbang jualan tidak laku

Kuala Kangsar: Bekalan sayur-sayuran di daerah ini tidak berdepan masalah biarpun keadaan cuaca masa kini yang tidak menentu, malah beberapa peniaga sayur yang ditemui mengakui kebiasaannya tidak habis terjual.

Tinjauan di Pasar Besar Kuala Kangsar, di sini, hari ini mendapati sayuran masih mudah didapati biarpun menyedari terda-

pat sedikit kenaikan harga bagi sesetengah jenis antaranya terung dijual dengan harga RM8 hingga RM9 satu kilogram, kacang botol (RM10), kacang bendi (RM10), kacang buncis (RM10), lobak merah (RM6), petola (RM7), cili hijau (RM15).

Seorang peniaga sayur di sini yang hanya mahu dikenali sebagai Lidy, 25, berkata faktor cuaca dan hujan yang tidak menentu

sememangnya menjejaskan penghasilan beberapa jenis sayuran yang diperolehnya menerusi pekebun tempatan namun bekalan masih ada dan senang didapati.

"Apabila sayur tidak terjual, ia rosak hanya dalam masa dua hari dan kebanyakan sayuran itu saya peroleh daripada orang kampung (pekebun tempatan).

"Mereka serahkan sayur, saya bayar secara tunai namun apa-

bila tidak habis dijual, saya terpaksa tanggungkerugian," katanya ketika ditemui semalam.

Seorang lagi peniaga sayur di situ yang enggan dikenali turut mengakui situasi sama apabila sayuran yang diperolehnya daripada pemborong di Ipoh yang mendapat bekalan sayur di Cameron Highlands kebiasaannya tidak habis terjual melainkan pada hujung minggu serta musim cuti.

Katanya, keadaan itu membuatkannya tidak berani mengambil risiko mendapatkan bekalan daripada pemborong dalam kuantiti banyak.

Seorang lagi peniaga sayur, Yong Lee Sim, berkata harga sayuran sememangnya ada peningkatan serta mengakui perkara itu berkaitan dengan cuaca tidak menentu khususnya hujan pada masa kini.

Bekalan sayur hanya susut 10 peratus

Kekurangan kerana cuaca, permintaan merosot

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan tiada berlaku kekurangan bekalan sayur dalam negara pada masa ini, berdasarkan maklumat daripada Persekutuan Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata persatuan itu bagaimanapun memaklumkan terdapat kemerosotan bekalan sayur, tetapi hanya berada pada tahap 10 peratus.

"Pada masa ini kekurangan bekalan sayuran hanya sekitar 10 peratus sahaja. Ini adalah disebabkan oleh cuaca hujan dan kemerosotan permintaan sekitar bulan lalu.

Bagaimanapun, penguurangan 10 peratus ini adalah pada paras pusingan normal. Secara umumnya, tidak berlaku kekurangan bekalan sayur di dalam negara pada masa ini," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini media melaporkan akibat ketidaktepatan cuaca yang ketara menyebabkan kebanyakan pekebun di Cameron Highlands kehilangan 30 hingga 40 peratus

hasil pendapatan.

Cuaca sukar diramal jejas mutu tanaman

Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong dilaporkan berkata, selain produktiviti berkurang, cuaca yang sukar diramal turut menjejaskan mutu tanaman.

Sejak 22 Ogos sehingga kini, Alexander berkata, hanya lima aduan berkaitan harga sayur diterima dan pihaknya tidak menerima aduan mengenai ketiadaan bekalan bahan terbabit.

"KPDNHEP menyambut baik sebarang maklumat balas yang diberikan oleh mana-mana pihak berkaitan isu ini. Tindakan proaktif turut diambil bagi menangani sebarang isu yang membabitkan peniaga dan pengguna.

"Ini bagi melihat dan mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkaitan masalah yang disuarakan," katanya.

Dalam pada itu, beliau meminta semua pihak tidak melakukan sebarang spekulasi, tetapi sebaliknya mendapatkan maklumat yang tepat berhubung isu berkenaan.

"Ini bagi mengelak terdetunya suasana panik dalam kalangan pengguna dan seterusnya mendorong kenaikan harga yang tidak wajar di pasaran," katanya.

Sementara itu, mengenai

kemungkinan harga sayur-sayuran naik berikutan hujan berterusan, beliau menjelaskan, harga sayur ditentukan faktor penawaran dan permintaan.

"Sayur yang dipengaruhi faktor cuaca seperti sayuran berdaun mungkin akan mengalami perubahan harga sekiranya berlaku hujan yang berterusan.

"Bagaimanapun, bekalan sayur import yang lain mampu menampung kekurangan ini sekiranya berlaku kekurangan bekalan sayur tempatan," katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP akan terus melaksanakan pemantauan, selain akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memperkuatkan bekalan sayur dalam negara.

"KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 terhadap mana-mana pihak yang cuba memanipulasi harga bahan terbabit ini.

"Peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu sekiranya disabitkan kesalahan mencatat," katanya.

Katanya, menjadi keutamaan KPDNHEP bagi memastikan harga sayur berada pada satu kadar yang munasabah dengan jaminan bekalan hasil kerjasama dengan agensi lain.



Alexander Nanta Linggi

Egging on sea turtles

The decreasing number coming to nest on the islands of Mersing is a growing concern. Johor Fisheries Department says it will step up efforts to release hatchlings to increase the turtle population, besides conducting a study to identify possible reasons for the decline.

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

THE number of sea turtles laying eggs on the islands of Mersing has declined and this has islanders, who depend on egg sales to supplement their income, worried.

The fishing community in Pulau Tinggi and Pulau Sibul are hoping that the Johor government and the Fisheries Department will look into the reason for the decline.

The collected eggs are sold to the state Fisheries Department as part of its sea turtle conservation programme.

This has been one of the ways islanders gain additional income, besides catching fish and working as boatmen for island hopping activities.

According to the islanders, the number of turtle sightings had also fallen this year compared to three years ago, when sightings were still common.

Fourth-generation fisherman Mohd Kamani Abdul Kadir, 42, told *StarMetro* that there were two types of sea turtles in Mersing, namely *perayu agar* or green sea turtle, and *perayu karah* (hawksbill sea turtle).

"Some of us believe that the reason for the decline is due to an increase in the number of island resorts, which has prevented sea turtles from nesting.

"The other reason is sand erosion around islands where these sea turtles used to go, leaving them with little to no space to lay their eggs," he said.

He highlighted that it was a common sight to see sea turtles lay eggs back in the 1990s.

"These days, even seeing one sea turtle is rare,"

he said, adding that collecting sea turtle eggs helped him supplement his income as a coastal fisherman.

Sharing about his work routine, Mohd Kamani said that due to the lack of job opportunities in Pulau Sibul, he would go out to sea to catch fish and look for signs of sea turtle trails on the beach.

He also takes on part-time work as a boat driver during weekends.

"I usually make around RM60 a day, depending on whether I manage to catch any fish. So, finding sea turtle eggs would be a bonus for me to earn extra cash and put more food on the table for my family," he explained.

Egg collectors earn RM2.50 for each sea turtle egg sold to the Fisheries Department.

A single clutch (sea turtle nest) can contain up to 180 eggs.

Mohd Kamani's father, Abdul Kadir Syed Idrus, 62, said it was hard to predict where sea turtles would lay their eggs due to the lack of sightings and decline in sea turtle population over the years.

"Those days, we just needed to go around Pulau Sibul, and there would be at least five nests every day.

"However, these days you must visit each island to search for signs of sea turtles and still probably return empty-handed.

"Times have changed," he said, adding that egg collectors would need to work extra hard to find a single nest.

Norashimah Sharom, 36, who lives in Pulau Tinggi, has been collecting sea turtle eggs for the past 10 years.

She said this year had been the most challenging in terms of finding sea turtle nests.

> TURN TO PAGE 3



Eco mission:
A greater budget is set aside in Johor to acquire turtle eggs from islanders licensed to collect and sell the eggs to the state Fisheries Department, which will release the hatchlings into the sea.

'Need to hatch plan for return of sea turtles'

> FROM PAGE 1

"I don't have a boat, so I just search for sea turtle trails and nests on foot, starting from one end of our village in Pasir Panjang towards the end of Teluk Sauk, from the middle of the night until early dawn.

"Those with boats will head out to places like Tanjung Balang and Teluk Lipas, as fewer people live there," she said.

She did not believe that the growing number of resorts on the islands were to blame for the decline in sea turtle landings.

"I have witnessed a sea turtle laying eggs in front of my house under a lamp post, so I believe there is no issue of these animals being afraid to come to the beach when there are lights.

"There must be some other cause that we don't know about.

"There was also a time when a sea turtle nested right under our house.

"We had to help it move closer to the sea," she recalled.

She added that she helped to release newly hatched sea turtles from the Pulau Tinggi hatchery run by the Fisheries Department.

Norashimah said she inherited both her egg collecting skills and business from her mother, Hazimah Mahidin, 65, better known as Mok Su.

She said that sea turtle eggs were part of the villagers' diet three decades ago, due to the abundance of eggs and lack of places to sell them back in the 1990s.

"Some of the villagers would even pickle the eggs they found, so they would have something to eat

Fewer sea turtle eggs collected means not many hatchlings are released back into the sea from the hatchery on Pulau Tinggi. — Photos: REMAR NORDIN/The Star



Norashimah has been collecting turtle eggs for 10 years.



Mok Su: Turtle eggs used to be part of the villagers' diet in the 1990s.



Abdul Kadir says it is hard to predict where turtles will lay their eggs.



Mohd Karami says sea turtle sightings are becoming rare.

during the monsoon when it was hard to catch fish.

"But that has gradually become less common as people become more aware of the importance of protecting these marine creatures, combined with the Johor Fisheries

Department's move to buy up all the eggs that the islanders and fishermen find," she added.

Hazimah said the last time she saw a huge number of sea turtle eggs was three years ago.

"This year my daughter only

managed to find two nests, one in January and one in May," she said, adding that she hoped the department's efforts to release hatchlings into the sea would help increase the sea turtle population in the area again.

RM100,000 set aside to buy 40,000 sea turtle eggs

PROTECTING the environment is one of the core missions of the Johor government, especially when it comes to ensuring that marine life is free from any harm or danger, says Datuk Zahari Sarip.

The Johor agriculture, agribusiness and rural development committee chairman said one of the state's long-term plans was to increase the allocation to buy sea turtle eggs collected by islanders and coastal fishermen.

Previously, the state government had only allocated RM5,000 to the Johor Fisheries Department annually for this purpose.

"This year, we increased the allocation to RM100,000 where we hope to buy 40,000 sea turtle eggs from coastal fishermen and islanders at RM2.50 each.

"In Johor, there are only two places with suitable beaches for sea turtles to lay their eggs, namely Kota Tinggi and Mersing," he said, adding that most sea turtle egg collectors were in Mersing.

To date, there are 60 licensed sea turtle egg collectors registered with the Johor Fisheries Department, and the licence must be renewed yearly, said Zahari.

When these sea turtle egg collectors find a nest, they will collect and sell the eggs to the department.

The eggs would then be placed in the department's hatchery at Pulau Tinggi, and incubated for approximately 60 days before hatchlings emerge.

"A single female sea turtle can lay up to 180 eggs in one clutch, so the egg collectors can make around RM450 from a single nest. "This is one way that we can



Zahari (in white shirt) and Zainudin (right) looking at hatchlings from the Pulau Tinggi turtle hatchery being released back into the sea in Mersing.

help islanders gain additional income.

"Only those who have a licence from the department are permitted to collect and sell the eggs, and anyone found selling them in the black market may face legal action under the Fisheries Act 1985," Zahari emphasised.

Offenders can be fined a minimum RM500 to a maximum of RM5,000 under Section 27 of the Act, he elaborated.

He said Johor government had also allocated RM100,000 to the

state Fisheries Department to upgrade facilities at the Marine Life Information Centre and turtle hatchery on Pulau Tinggi.

"We may not have as big a sea turtle population as Terengganu, but we hope that our efforts will result in the sea turtle population increasing.

"We want to make sea turtles one of the attractions at our Marine Life Information Centre and make it a pit-stop for tourists on island-hopping activities in Mersing," he added.

When contacted, Johor Fisheries Department director Zainudin Abdul Wahab said it would conduct a study on the sea turtle population in Mersing.

"The department is responsible for safeguarding and conserving marine species in the Sultan Iskandar Marine Park, which encompasses more than 765sq km and 13 islands, making it one of the largest marine parks in the peninsula.

"We have received reports on the decline in sea turtle population in Mersing, but we do not have exact data on this.

"That is why we need to conduct a study first so that we can identify the cause and perhaps come up with a solution," he added.

The department would also be conducting an investigation into whether there were cases of sea turtles caught by unscrupulous fishermen when out at sea, said Zainudin.

"One of the reasons for the decline could be climate change, where uncertain weather patterns and varying temperature might have affected sea turtles' choice of which islands to lay their eggs," he noted.

He also said that the department would strengthen its efforts to spread awareness to boatmen around the islands of Mersing, including those involved in island-hopping activities, to pilot their boats with extra caution.

"There have been cases where sea turtles died after being hit by boat propellers, and we hope to reduce such incidents," he added. — By REMAR NORDIN